

2

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 3

SOALAN : Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pada tahun berapakah wawasan untuk mewujudkan kesatuan, keharmonian dan kerjasama tulen bagi masyarakat Malaysia yang berbagai kaum akan tercapai.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Semenjak mencapai kemerdekaan sehingga ke hari ini, perpaduan telah menjadi kekuatan kepada negara ini. Kita telah menyaksikan sendiri banyak negara yang musnah akibat ketegangan hubungan etniknya sehingga berakhir dengan konflik berterusan namun bagi Malaysia, kita masih tetap aman dan harmoni. Ini kerana pemimpin negara berupaya mengurus kepelbagaian sehingga memperolehi pengiktirafan dan penghormatan oleh dunia luar dan dirujuk sebagai salah satu model negara yang berjaya mengekalkan perpaduan dan kestabilan.

3

Ekoran dari tragedi hitam 13 Mei 1969, Malaysia telah mengamalkan pendekatan yang bersesuaian mengikut peredaran masa. Dasar-dasar yang diperkenalkan menjurus kepada penekanan kepada perpaduan sebagai batu asasnya yang bertujuan untuk mensejahterakan kehidupan rakyat. Bermula dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB), seterusnya Rancangan Malaysia setiap 5 tahun, Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Dasar Pendidikan Kebangsaan, Wawasan 2020 dan terkini Transformasi 2050 kesemuanya menjadikan perpaduan sebagai matlamat akhirnya.

Program-program yang dilaksanakan adalah selaras dengan dasar-dasar ini dari masa ke semasa dan sesuai dengan kehendak pembangunan dan peredaran masa bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat yang seterusnya membawa kepada keamanan dan keharmonian negara.

Namun, perpaduan adalah *work in progress*, seperti yang ditafsirkan oleh Prof. Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA) pada tahun 2011 kerana "perpaduan" merupakan satu matlamat akhir yang manusia idam-idamkan untuk capai terutamanya dalam kalangan negara-negara yang terdiri dari masyarakat yang majmuk seperti Malaysia agar dapat mewujudkan satu negara yang berpaksikan kepada satu bangsa, satu agama, satu bahasa dan satu budaya ataupun dengan izin, *unity is uniformity*. Namun, ia sukar dicapai kerana ia hanyalah suatu gambaran mengenai satu masyarakat majmuk yang sempurna yang tidak boleh menjadi kenyataan sepenuhnya kerana wujudnya kepelbagaian dalam masyarakat tersebut. Ini menyebabkan sukar untuk mana-mana negara dunia termasuk Malaysia untuk

menetapkan satu masa yang khusus untuk mencapai perpaduan yang lengkap dan tulen.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak sama ada agensi kerajaan, badan swasta dan badan bukan kerajaan mahupun semua lapisan masyarakat Malaysia untuk terus berusaha keras memastikan kesepaduan sosial yang sedia ada dikekalkan dan dipertahankan. Ini kerana mengurus hubungan etnik merupakan satu usaha berterusan dan sentiasa memerlukan pemantauan dan mekanisme yang disesuaikan dengan perubahan persekitaran. Kejayaan hanya boleh dicapai jika setiap rakyat Malaysia masing-masing jujur dan ikhlas dalam memastikan perpaduan tidak dikompromi dengan desakan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.